



## mereka biasa belajar sepuluh ayat daripada Rasulullah ﷺ, lalu mereka tidak akan mengambil sepuluh ayat yang lain sehinggalah mereka mempelajari ilmu dan amalan yang terkandung di dalamnya

Daripada Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami رحمه الله, beliau berkata: Seseorang dalam kalangan para Sahabat Nabi ﷺ yang mengajar kami al-Quran menyampaikan kepada kami, bahawa mereka biasa belajar sepuluh ayat daripada Rasulullah ﷺ, lalu mereka tidak akan mengambil sepuluh ayat yang lain sehinggalah mereka mempelajari ilmu dan amalan yang terkandung di dalamnya. Mereka berkata: "Maka kami pun mempelajari ilmu dan amalan (secara serentak)."

[حسن] [رواه أحمد]

Para sahabat رضي الله عنهم menerima sepuluh ayat al-Quran daripada Rasulullah ﷺ, dan tidak akan beralih kepada ayat-ayat lain sehinggalah mereka mempelajari ilmu yang terkandung di dalamnya dan mengamalkannya. Maka, mereka mempelajari ilmu dan amal secara serentak.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65058>

